

Pertemuan penting untuk persefahaman

UM - 7 JUN 2002

Daripada, **AZIZ ISHAK**

VATICAN CITY 6 Jun — Pope John Paul II menyifatkan pertemuan beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini esok adalah penting untuk agenda keamanan dunia dan persefahaman agama.

Jurucakap Pope, Ciro Benedettini berkata, itulah pandangan pemimpin tertinggi Katolik itu terhadap pertemuan dengan Dr. Mahathir yang dilihat sebagai pemimpin Islam yang progresif dan disegani oleh masyarakat antarabangsa.

“Pertemuan esok amat penting kerana ia memperkukuhkan lagi dialog antara agama demi keamanan manusia seja-gat,” katanya ketika ditemui wartawan Malaysia di sini petang ini.

Dr. Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali dijangka tiba awal pagi esok sebelum menemui Pope bagi memenuhi undangan melawat Vatican City.

Malah menurut Benedettini, Dr. Mahathir dan Pope akan bertemu secara empat mata kira-kira setengah jam bagi membolehkan kedua-dua pemimpin itu membincangkan secara eksklusif apa sahaja perkara.

“Sesi itu hanya melibatkan mereka berdua dan terse-rahlah apa sahaja yang mahu dibincangkan,” katanya.

Selepas sesi itu, Dr. Mahathir dan delegasi dari Malaysia akan mengadakan perbincangan dengan para pemimpin kanan Vatican City diketuai oleh Setiausaha Negara Vatican City, Cardinal Angelo Sadano.

Benedettini menambah,

pertemuan itu **sebenarnya** cukup bermakna kepada kemakmuran dunia dalam usaha menangani pelbagai masalah bersama daripada isu agama hinggalah kepada keamanan dan kebuluran.

Kepada satu pertanyaan, beliau berkata, pertemuan sedemikian dan siri-siri dialog agama yang lain tidak semestinya diadakan kerana ter-cetus insiden 11 September 2001.

“Ia adalah proses yang kami gerakkan sebelum insiden itu lagi,” katanya tetapi menga-kui keperluan untuk meningkatkan dialog agama ini lebih ketara pada masa sekarang.

Beliau juga menolak seba-rang anggapan bahawa Islam seakan-akan memerlukan pengiktirafan baru oleh masyarakat antarabangsa selepas insiden tersebut yang menyaksikan banyak salah faham

dan kekeliruan mengenai Islam.

“Islam dan penganutnya sudah diiktiraf lama. Apa yang perlu ialah lebih banyak dialog dan perbincangan yang sihat mengenai semua perkara,” katanya lagi.

Sementara itu, seorang jurucakap pusat media Vatican City berkata, Pope mempunyai jadual yang sibuk minggu depan kerana menerima kunjungan pemimpin asing termasuk Presiden Meywati Sukarnoputri.

“Lawatan beberapa pemimpin itu adalah kesempatan yang mereka ambil untuk menemui Pope dalam perjalanan menghadiri persidangan Pertubuhan Makanan Antarabangsa di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu,” katanya sambil mengesahkan bahawa lawatan Dr. Mahathir pula adalah atas undangan Pope. —
Utusan